KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	7/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

Letak perkakas kritikal, set jana kuasa di lokasi strategik ketika musim tengkujuh

TNB gerak aset hadapi bencana bah

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersiap sedia dan telah melakukan persiapan bagi meminimumkan kos kerosakan dan gangguan bekalan elektrik yang disebabkan oleh bencana banjir ketika musim tengkujuh.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, ia sebagai persiapan rutin setiap kali tiba musim hujan ekstrem tersebut bagi mengekalkan bekalan elektrik yang selamat dan mengawal kerosakan pepasangan TNB di kawasan dinaiki air.

Katanya, TNB telah menempatkan perkakas kritikal, set-set jana kuasa bergerak dan mudah alih di beberapa lokasi strategik sebagai persediaan untuk digunakan ketika musim tengkujuh.

"Perkakas kritikal semasa operasi banjir ialah seperti bot, telefon satelit dan lampu limpah. Kami juga akan membuka bilik gerakan di negeri yang terlibat banjir untuk memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini mengenai bekalan elektrik.




WAN NAZMY

"Sejak banjir besar berlaku pada tahun 2014, TNB telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan meninggikan tapak pencawang dan membina penghadang banjir di pintu masuk pencawang bagi mengurangkan risiko pencawang tenggelam dan rosak," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, pengguna yang terputus bekalan elektrik ketika musim banjir dinasihatkan untuk segera menghubungi TNB di talian **15454** atau Facebook TNB Careline bagi tindakan lanjut.

"Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati semasa menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air, menjauhi dari menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap bagi mengelakkan renjatan elektrik.

"Setelah banjir surut, cuba dapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga untuk memeriksa pendawaian di premis yang dinaiki air," ujarnya.



BENCANA banjir ketika musim tengkujuh dikhuatiri akan mengakibatkan pencawang elektrik dan pepasangan TNB rosak akibat ditenggelami air. – GAMBAR HIASAN